

Google Ignite kembali lagi

GOOGLE Ignite, satu program perintis latihan ke latihan industri yang dilancarkan oleh Google Malaysia Julai tahun lalu kini kembali untuk tahun kedua. Program tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran pemasaran digital menggunakan pelantar Google bersama pensijilan buat pelajar universiti di Malaysia.

Tahun ini, program latihan tersebut melibatkan 16 buah kampus universiti: HELP University, INTI International Universities and Colleges (KL, Subang, Penang, Nilai dan Sabah), Limkokwing University, UCSI University, MMU Cyberjaya, MMU Malacca, Monash University, Sunway Ipoh and Nottingham University, Taylor's University (Lakeside), UTAR (Perak dan Sungai Long).

Program tersebut bermula minggu ini dan berakhir pada bulan Ogos dengan pesta kerjaya Google Ignite 2016 bertujuan untuk menempatkan sekurang-kurangnya 150 pelajar cemerlang dan graduan yang memiliki latihan industri di mana-mana agensi dan jenama digital terbesar di Malaysia.

Pelajar yang tidak menerima tawaran latihan industri akan menerima pensijilan Google AdWords yang akan menambah nilai kelayakan mereka untuk bekerja bersama agensi-agensi atau jenama-jenama digital.

Ketua Pemasaran PKS (perusahaan kecil dan sederhana) di Google Malaysia, Denise Gamo berkata, sepertimana yang diketahui setiap carian atas talian mempunyai tujuan, sama ada untuk mendapatkan lebih maklumat atau untuk membuat pertimbangan dan perbandingan untuk sesuatu pembelian dan platform Google direka untuk memberi maklum balas yang terbaik buat carian-carian tersebut. Setiap hari, jutaan carian dibuat di google.com.my,

“Peguna masa kini membuat keputusan dalam skala mikro-masa, saat penuh tujuan di mana sesuatu keputusan dibuat

atau sesuatu pilihan dibentuk. Terdapat pelbagai detik sedemikian, namun yang penting buat sesuatu jenama adalah detik-detik di mana anda ingin mengetahui sesuatu perkara, pergi ke sesuatu tempat, buat sesuatu perkara dan beli sesuatu

produk. Detik-detik sebegini bukan sahaja mendedahkan siapa pengguna anda, tetapi juga, keinginan dan keperluan mereka,” kata Gamo.

Google Malaysia berminat untuk menggerakkan ekosistem digital tempatan dengan membantu para pelajar memulakan kerjaya mereka dalam bidang pemasaran digital dan pada masa yang sama mengasah bakat-bakat digital di Malaysia. Syarikat tersebut berharap tahun kedua program ini akan menghasilkan lebih banyak graduan celik digital.

Sepanjang tempoh program tersebut, Google akan membekalkan pihak universiti dengan sumber pembelajaran atas talian untuk aktiviti ulang kaji dan juga latihan Google AdWords di kampus agar para pelajar menerima pengiktirafan yang akan melayakkan mereka untuk latihan industri bersama majikan-majikan terbaik di Malaysia.

Inisiatif menyeluruh ini akan membuka minda para pelajar universiti untuk memperoleh pendidikan yang menjangkau apa yang dipelajari di fakulti masing-masing, mendapat latihan yang hanya mereka boleh perolehi sebagai seorang pekerja, dan menggunakan sepenuhnya peluang latihan industri yang diberi oleh Google.



Peguna masa kini membuat keputusan dalam skala mikro-masa, saat penuh tujuan di mana sesuatu keputusan dibuat atau sesuatu pilihan dibentuk.



GOOGLE Ignite kini memasuki tahun kedua dan bercadang menempatkan sekurang-kurangnya 150 pelajar cemerlang dan graduan yang memiliki latihan industri di mana-mana agensi dan jenama digital terbesar di Malaysia.